

18 MAY 1996

Najib

LAPORAN PENDIDIKAN DIKEMUKA KEPADA MT UMNO TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Laporan mengenai hasil kajian terhadap saranan tokoh pendidik Tan Sri Dr Awang Had Salleh mengenai agenda baru pendidikan Melayu pada Konvensyen Umno baru-baru ini akan dibentangkan kepada Majlis Tertinggi parti itu tidak lama lagi, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

"Kita akan beri tumpuan kepada tindakan susulan memandangkan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membuat komitmen bahawa parti akan memandang serius segala saranan yang dibuat pada konvensyen sempena perayaan ulangtahun ke-50 Umno itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Kasihkan Guru di sini hari ini.

Program anjuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan St Mary, Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan itu berlangsung di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra.

Menurut Najib, Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri juga membuat komitmen bahawa satu laporan akan dibentangkan pada perhimpunan agung akan datang yang bermakna pelan tindakan berasaskan kepada konvensyen itu perlu disiapkan segera oleh Jawatankuasa Konvensyen.

"Kita harap laporan itu akan diterima parti dan kerajaan untuk tindakan susulan. Bagaimanapun sebelum laporan itu dapat dibentangkan. Kita akan mengadakan satu gerakan lepas konvensyen untuk mengkaji dahulu segala pandangan termasuk kertas kerja dan saranan yang dibangkitkan," katanya.

Najib berkata laporan itu juga merangkumi soal-soal agama, ekonomi, politik dan aspek lain termasuk agenda pendidikan besar yang akan dirumuskan seperti cara menangani isu pencapaian rendah pelajar di luar bandar, masalah keciciran, masalah penyertaan di peringkat pendidikan tinggi, koleh swasta.

Mengenai langkah-langkah yang diambil bagi mempertingkatkan taraf perguruan, Najib berkata beliau sudah mengadakan perbincangan dengan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan beliau diberi jaminan JPA akan menyemak cadangan-cadangan yang dibuat sebelum mendapat kelulusan Jawatankuasa Perjawatan.

Katanya, jawatankuasa itu yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan juga mengkaji beberapa perkara termasuk skim diploma baru yang akan dikaji mengenai implikasi kewangannya.

Berhubung program kasihkan guru yang dilancarkan itu, Najib menyarankan semua sekolah di seluruh negara supaya memasukkannya sebagai sebahagian daripada aktiviti mereka kerana semua pihak termasuk pelajar, ibu bapa atau masyarakat umum mengiktiraf peranan guru sebagai satu perkara yang baik sekali.

"Justeru kita harus menentukan penilaian yang lebih tinggi lagi terhadap peranan guru, profesion perguruan dan saya percaya guru akan bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh lagi dalam menyampai dan menerapkan ilmu serta proses pendidikan dengan sebaik mungkin," katanya.

"Ini sejajar dengan usaha kementerian untuk meninggikan lagi martabat profesion perguruan, bukan semata-mata dipandang dengan wang ringgit tetapi dari segi keseluruhan penilaian masyarakat," katanya.

Najib juga menggesa media massa supaya jangan hanya memuatkan berita yang membawa kesan negatif terhadap guru tetapi sebaliknya melaporkan juga kisah pengorbanan guru yang berkhidmat dengan cemerlang dan penuh dedikasi kerana lazimnya cerita-cerita seperti itu tenggelam begitu sahaja.

Beliau berkata kisah pengorbanan guru seperti apa yang berlaku di

Ranau, Sabah apabila beberapa orang guru sanggup tidur di bangunan sekolah semata-mata ingin memberikan kelas tambahan bagi membimbing murid-murid tidak langsung mendapat tempat dalam akhbar-akhbar.

"Jadi secara tidak langsung, kita membantu proses kasihkan guru dan saya minta agar akhbar ketengahkan juga mana yang baik di samping melaporkan juga yang tidak baik," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata profesion perguruan dipinggir dan dijadikan pilihan terakhir dengan adanya profesion lain yang dipandang mempunyai nilai komersil yang lebih tinggi

Katanya, keadaan masyarakat yang memberi tumpuan kepada nilai-nilai kebendaan menyebabkan anak-anak tidak dilatih untuk menghormati dan menghargai jasa guru. Keadadaan ini lebih terasa di kawasan ekoran terdapat pelbagai kemudahan dan pengaruh. -- BERNAMA

ZAB NMO